



**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**  
**JALAN PINANG RAJA**  
**32040 SERI MANJUNG**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender-petender yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** dan **PERSATUAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN MALAYSIA (PPKKM)** yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, kewangan yang kukuh dan stabil bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL.	BUTIRAN TAWARAN/ RUJUKAN TENDER	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR BORANG	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
1.	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Bangunan Milik Majlis Perbandaran Manjung <b>MPM JKP / T / 1 / 2024</b>	<b>220801</b> Pertahanan Dan Keselamatan (Kawalan Keselamatan – Perlu Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) Seksyen 2 (a )	09 September 2024 (Isnin)  Hingga  27 September 2024 (Jumaat)	<u>Tarikh</u>  30 September 2024 (Isnin)  <u>Waktu</u>  12.00 Tengah hari	RM150.00

2. Naskah Meja Tawaran boleh disemak dan dibeli di **Ruang Legar Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung** pada waktu pejabat bermula **09 September 2024** sehingga **27 September 2024** mengikut waktu berikut:-

HARI	WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN	
ISNIN-KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 3.30 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.15 tengah hari	2.45 petang – 3.30 petang

3. Dokumen Tender **TIDAK akan dijual** atau dikeluarkan selepas tempoh di atas.
4. Petender dikehendaki mendaftar sebagai pembekal MPM terlebih dahulu sebelum hadir ke kaunter untuk membuat belian dokumen di laman pendaftaran Sistem Pembekal MPM <https://forms.gle/mSJRAHoyf6oXnK4x9>
5. Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat dalam bentuk **Wang Pos / Kiriman Wang** di atas nama **Majlis Perbandaran Manjung** atau **secara Tunai** di kaunter bayaran Majlis Perbandaran Manjung (bayaran tidak akan dikembalikan).
6. **Kehadiran taklimat** adalah **diwajibkan** bagi Petender yang ingin memasuki Tender ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Petender yang hadir pada **sesi taklimat** seperti berikut sahaja :-

TARIKH	MASA	SESI	TEMPAT
09 September 2024 (Isnin)	9.30 pagi	Pendaftaran	Tingkat 1, Dewan Anjung Perdana, Majlis Perbandaran Manjung, 32040 Seri Manjung, PERAK.
	10.00 pagi	Taklimat	

7. Semasa **pendaftaran taklimat** dan **pembelian Dokumen Tender**, Petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** sebanyak **satu (1) salinan** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut bersama **CAP SYARIKAT** :-

- a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih berkuatkuasa;
  - b. Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise, lengkap bersama senarai nama pemilik;
  - c. Lesen, permit atau kebenaran menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan yang sah dan berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN);
  - d. Bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dengan senjata api, syarikat hendaklah memiliki lesen senjata api dan permit (*carry & use*) yang diluluskan oleh Polis DiRaja Malaysia atas nama syarikat dan mematuhi sebarang garis panduan berhubung permohonan dan pengendalian senjata api oleh syarikat kawalan Keselamatan Yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 atau garis panduan yang dikeluarkan oleh KDN dari semasa ke semasa sebelum menjalankan perkhidmatan;
  - e. Syarikat adalah anggota Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) sebagai ahli yang sah.
8. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor rujukan tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 30 September 2024 (Isnin)**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
9. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.



Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Manjung,  
Jalan Pinang Raja,  
32040 Seri Manjung,  
PERAK DARUL RIDZUAN.